

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PEMBUKAAN KURSUS PENERAPAN NILAI-NILAI
ISLAM ANJURAN PERGERAKAN WANITA UMNO
KUBANG PASU, DI KUBANG PASU, KEDAH
PADA HARI KHAMIS, 29HB. NOVEMBER, 1984
PUKUL 9. 30 PAGI

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Mulia Puan Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat Datuk Paduka Osman Arof;

Yang Mulia Datuk Pegawai Daerah;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan dan seterusnya para
peserta Kursus sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pergerakan Wanita UMNO Kubang Pasu kerana menjemput saya untuk merasmikan Kursus Penerapan Nilai-Nilai Islam ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pergerakan Wanita UMNO Kubang Pasu kerana inisiatifnya menganjurkan kursus ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Agama Islam adalah agama yang sesuai setiap masa dan di setiap bidang kehidupan manusia. Agama Islam menyuruh kita untuk mencari ilmu pengetahuan, rezeki dan sebagainya melalui cara-cara yang diredhai

Allah Subhanahu Wataala. Dalam kita berusaha mencari nafkah di dunia, kita juga mestilah mempertingkatkan usaha kita untuk mendalami pengetahuan kita mengenai Islam. Agama Islam memang menggalakkan kita menceburkan diri dalam bidang-bidang lain seperti sains, teknologi, perubatan dan sebagainya selain daripada mempelajari dan mendalami diri mengenai Islam. Jadi oleh itu kita mestilah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menguasai bidang-bidang tersebut. Sekiranya kita tidak berbuat demikian, saya percaya kita akan ketinggalan. Jikalau ini berlaku kita tidak boleh menyalahkan sesiapaupun melainkan diri kita sendiri.

3. Kita bersyukur bahawa agama Islam mendapat kedudukan yang istimewa di negara

kita ini. Ini adalah hasil daripada usaha yang berani serta jujur daripada setiap umat Islam. Dalam hal ini adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam di negara ini untuk sentiasa berusaha dengan gigih bagi menentukan agama Islam sentiasa terpelihara dan terjamin. Kita mestilah sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba menggugat kedudukan agama Islam seperti yang telah berlaku di beberapa buah negara Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Sebagaimana kita maklum, Kerajaan sedang berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Sebarang usaha ke arah ini memanglah dialu-alukan. Kursus yang dianjurkan ini amatlah sesuai kerana ia dapat

membantu dalam usaha kita untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Semoga dengan adanya kursus seumpama ini akan wujudlah kesefahaman yang lebih di antara kita.

5. Usaha-usaha menerapkan nilai-nilai Islam oleh Kerajaan telah mendapat sanjungan daripada pakar-pakar dan ulamak-ulamak antarabangsa. Mereka berkata bahawa Malaysia telah maju ke hadapan dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam jika dibandingkan dengan kebanyakan negara Islam yang lain.

6. Kita umat Islam di Malaysia haruslah bersyukur kerana usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai yang murni ini telah berjalan dengan licin. Adalah menjadi

tanggungjawab kita untuk membantu dalam usaha-usaha murni ini. Kita juga patutlah bersyukur kerana kita telah berjaya menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam dan pengamalan Etika Kerja Islam. Insya-Allah banyak lagi nilai dan amalan-amalan Islam akan dapat dilaksanakan dengan adanya sokongan yang kuat daripada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Kursus Penerapan Nilai-Nilai Islam anjuran Pergerakan Wanita UMNO Kubang Pasu ini dengan rasminya.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu
Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

